TEMPAHAN DALAM TALIAN UNTUK PEMBELIAN WANG PERINGATAN YANG DIKELUARKAN OLEH BANK NEGARA MALAYSIA

SOALAN–SOALAN LAZIM

Tempahan

1. Bagaimanakah cara untuk membuat tempahan?

Tempahan boleh dibuat melalui https://duit.bnm.gov.my. Pembeli hendaklah mendaftar dalam talian terlebih dahulu sebelum membuat tempahan.

2. Bolehkah saya membuat tempahan untuk lebih daripada seorang pembeli?

Ya, anda boleh membuat tempahan untuk lebih daripada seorang pembeli. Namun, setiap tempahan hendaklah mengandungi maklumat peribadi pembeli berkenaan (iaitu nama dan nombor MyKad atau pasport).

3. Adakah had umur tertentu bagi mereka yang ingin membuat tempahan?

Tiada had umur ditetapkan.

4. Bolehkah saya membuat tempahan jika saya tidak mempunyai MyKad?

Ya, boleh. Pembeli bukan warganegara Malaysia boleh menggunakan butiran pasport mereka untuk membuat tempahan. Bukti pengenalan diri yang sah perlu ditunjukkan semasa penghantaran wang peringatan.

5. Saya warganegara Malaysia. Bolehkah saya membuat tempahan menggunakan pasport?

Tidak boleh. Warganegara Malaysia dibenarkan membuat tempahan dengan menggunakan MyKad sahaja. Hanya bukan warganegara Malaysia dibenarkan membuat tempahan menggunakan pasport.

6. Sekiranya terdapat kesilapan dalam maklumat tempahan saya, bolehkah saya meminda maklumat dalam tempahan tersebut?

Anda tidak dibenarkan meminda sebarang maklumat selepas tempahan dihantar dan dibayar. Sila pastikan semua maklumat dalam tempahan anda adalah betul dan tepat sebelum membuat pembayaran.

7. Mengapakah Bank Negara Malaysia memperkenalkan tempahan, pembayaran dan penghantaran wang peringatan secara dalam talian?

Bank Negara Malaysia memperkenalkan tempahan dan pembayaran secara dalam talian untuk memudahkan orang ramai membuat tempahan dan pembayaran di mana-mana dan pada bila-bila masa sepanjang tempoh tempahan yang ditetapkan, tanpa perlu pergi ke lokasi jualan.

8. Adakah proses tempahan yang baharu ini menyusahkan?

Proses tempahan, pembayaran dalam talian dan penghantaran yang baharu ini adalah lebih baik, lebih mudah dan cepat.

9. Di manakah boleh saya ajukan pertanyaan mengenai tempahan?

Sila gunakan borang Hubungi Kami dalam laman sesawang https://duit.bnm.gov.my untuk sebarang pertanyaan.

Pembayaran

10. Apakah bayaran yang dikenakan untuk tempahan saya?

Bayaran tersebut merangkumi harga barang, Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) dan caj penghantaran.

11. Bagaimanakah caj penghantaran ditentukan?

Caj penghantaran ditentukan oleh lokasi dan berat, ditambah insurans seperti dibawah.

<table>
<tr><th rowspan="2">Berat</th><th colspan="2">Lokasi / Caj (RM) termasuk 6% SST</th><th rowspan="2">*Insurans</th></tr>
<tr><th>Semenanjung</th><th>Sabah, Sarawak, Labuan</th></tr>
<tr><td>Sehingga 1 kg</td><td rowspan="2">15.37</td><td>22.79</td><td rowspan="2">1% daripada harga barang (termasuk 10% SST)</td></tr>
<tr><td>1.001 kg – 2 kg</td><td>33.39</td></tr>
</table>

**Caj yang ditunjukkan tidak termasuk caj insurans sebanyak 1% daripada harga barang. Caj insurans akan ditambah ke jumlah akhir yang perlu dibayar.*

12. Bagaimanakah cara untuk saya membayar tempahan yang dibuat?

Semua tempahan hendaklah dibayar sepenuhnya menggunakan kaedah pembayaran dalam talian (iaitu menggunakan kad kredit/kad debit atau perbankan dalam talian).

13. Adakah pembayaran dalam talian selamat?

Pembayaran dalam talian dilindungi langkah-langkah keselamatan yang sewajarnya oleh institusi kewangan yang berkenaan.

14. Bolehkah saya membuat pembayaran secara tunai semasa penghantaran wang peringatan?

Pembayaran hanya boleh dibuat secara dalam talian. Bayaran hendaklah dibuat semasa membuat tempahan dalam talian.

15. Siapakah yang perlu dihubungi jika saya mempunyai masalah untuk membayar secara dalam talian?

Sila hubungi penyedia perkhidmatan pembayaran yang dilantik di support@ipay88.com.my.

16. Apakah yang perlu saya lakukan jika tidak berjaya membuat pembayaran dalam talian?

Sila hubungi pengeluar kad kredit/ kad debit atau bank masing-masing untuk sebarang pertanyaan mengenai pembayaran.

17. Hanya beberapa sahaja tempahan saya berjaya. Bagaimanakah saya mendapatkan balik bayaran tempahan yang tidak berjaya?

Anda akan dikenakan bayaran untuk tempahan yang berjaya sahaja, manakala bayaran bagi tempahan yang lain akan dikembalikan.

18. Jika tempahan saya tidak berjaya, adakah saya akan mendapat bayaran balik sepenuhnya?

Bayaran (termasuk bayaran penghantaran) untuk tempahan yang tidak berjaya (selepas cabutan) akan dikembalikan sepenuhnya kepada pembeli.

19. Berapa lamakah masa untuk proses pembayaran balik?

Pembayaran balik tempahan yang tidak berjaya akan dibuat kepada pembeli dalam masa kira-kira 14 hari selepas pengumuman tempahan yang berjaya dibuat. Pembeli mungkin menerima bayaran balik sebelum pengumuman tempahan yang berjaya dibuat.

Proses Cabutan Tempahan Yang Berjaya

20. Bagaimanakah saya boleh memastikan bahawa tempahan saya ada dalam senarai cabutan?

Anda boleh menyimpan/mencetak pengesahan tempahan semasa pembayaran. Hanya tempahan yang telah dibayar sepenuhnya akan diambil kira dalam cabutan.

21. Bagaimanakah boleh saya pastikan bahawa proses cabutan itu telus?

Proses pengundian dilaksanakan secara berkomputer bagi memastikan keadilan dan ketepatan. Semua penyertaan yang layak mempunyai peluang yang sama dalam proses pemilihan. Proses pengundian juga disaksikan oleh pihak bebas bagi memastikan ia dijalankan secara adil dan teratur.

22. Saya membuat tempahan lebih daripada jumlah yang saya perlukan dan tempahan itu berjaya. Bolehkah saya batalkan sebahagian daripada tempahan yang berjaya?

Tempahan yang berjaya akan dikenakan bayaran penuh. Pembeli perlu menerima semua wang peringatan yang berjaya ditempah. Pembatalan tempahan selepas pembayaran dibuat tidak dibenarkan.

Pengumuman Keputusan Tempahan

23. Bilakah dan bagaimanakah boleh saya mengetahui keputusan tempahan?

Keputusan tempahan melalui cabutan akan diumumkan dalam masa 14 hari bekerja dari tarikh tamat tempahan. Pembeli boleh menyemak keputusan tempahan mereka di https://duit.bnm.gov.my.

Penghantaran Wang Peringatan yang berjaya ditempah

24. Tempahan saya berjaya. Bilakah saya akan menerima mata wang peringatan tersebut?

Penghantaran secara berfasa untuk tempahan yang berjaya dijangka selesai dalam masa 25 hari bekerja dari tarikh pengumuman keputusan tempahan di https://duit.bnm.gov.my. Penghantaran akan dibuat semasa waktu bekerja**.**

25. Dokumen apa yang diperlukan untuk saya menerima pesanan saya?

Pembeli mesti menunjukkan dokumen pengenalan diri yang sah (contohnya MyKad untuk warganegara Malaysia/ Pasport untuk bukan warganegara Malaysia) semasa menerima duit syiling peringatan. Penghantaran tidak akan dilakukan sekiranya dokumen

pengenalan yang sah tidak ditunjukkan oleh penerima.

26. Bolehkah saya menggunakan salinan pengenalan saya sebagai bukti semasa menerima wang peringatan?

Ya, versi asal atau salinan MyKad atau pasport adalah diterima sebagai bukti pengenalan diri semasa menerima wang peringatan tersebut.

27. Saya warganegara Malaysia. Bolehkah saya menerima wang peringatan menggunakan pasport Malaysia saya?

Tidak boleh. Pasport Malaysia tidak akan diterima sebagai dokumen pengenalan diri semasa penghantaran mata wang peringatan.

28. Sekiranya saya tidak ada semasa penghantaran, bolehkah saya mengambil pesanan saya dari cawangan Pos Laju?

Pembeli yang berjaya boleh mengambil pesanan di cawangan Pos Laju yang ditentukan, dalam masa 7 hari dari percubaan penghantaran pertama.

29. Apa yang akan berlaku pada pesanan saya jika tidak diambil dari Pos Laju dalam masa 7 hari?

Pesanan yang tidak dituntut akan dipulangkan kepada Bank Negara Malaysia (BNM). Pembeli akan dimaklumkan melalui alamat e-mel berdaftar sebaik sahaja item tersebut diterima oleh BNM

30. Apakah yang akan berlaku kepada pesanan yang dipulangkan kepada BNM (item yang tidak berjaya dihantar)?

BNM akan menyimpan item yang dipulangkan untuk tempoh maksimum enam (6) bulan dari tarikh pemulangan. Pembeli hendaklah mengatur pengambilan item tersebut dalam tempoh berkenaan melalui saluran rasmi yang dinyatakan dalam e-mel pemberitahuan BNM serta mematuhi arahan yang diberikan.

Dikemas kini pada 2 November 2026.